

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JULY 2017



MAHATHIR MOHAMAD menjawab soalan daripada wartawan sambil diperhatikan Wan Azizah Wan Ismail, Muhyiddin Yassin dan barisan kepimpinan tertinggi Pakatan Harapan yang diketuai DAP selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Pakatan Harapan di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

Struktur kepemimpinan cacamarba

um- 15/7/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 14 Julai - Struktur baharu kepemimpinan Pakatan Harapan yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam jelas memperlihatkan gabungan itu sebagai pakatan cacamarba apabila meletakkan tiga nakhoda dalam satu kapal.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, Pakatan Harapan yang diketuai oleh DAP itu telah menjalankan perbincangan selama berbulan-bulan sebelum mengumumkan struktur baharu tersebut tetapi akhirnya memilih jalan selamat iaitu melantik tiga ketua untuk menerajui gabungan tersebut.

"Siapakah yang lebih berkuasa dalam membuat sebarang keputusan antara Ketua Umum, Pengerusi dan Presiden kerana tidak ada skop kuasa dan autoriti yang jelas antara ketiga-tiga jawatan itu.

"Struktur baharu ini juga boleh dikatakan untuk mengambil hati Dr. Mahathir bagi membolehkan Anwar menjadi Perdana Menteri sekiranya pakatan cacamarba ini menang dalam pilihan raya umum akan datang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Nazir, lebih melucukan apabila ketiga-tiga pemimpin dalam gabungan itu juga mempunyai haluan berbeza.

"Anwar menubuhkan PKR kerana menentang pentadbiran Dr. Mahathir yang dikatakan zalim dan beliau sendiri pernah ditumbuk sehingga lebam mata, yang akhirnya menjadi logo PKR itu sendiri.

"Dr. Mahathir menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) kerana agenda peribadi untuk menjadikan anaknya, Mukhriz sebagai Perdana Menteri.

"Aneh sebenarnya apabila Dr. Mahathir kini berada di bawah telunjuk Anwar sekiranya jawatan Ketua Umum



Siapakah yang lebih berkuasa dalam membuat sebarang keputusan antara Ketua Umum, Pengerusi dan Presiden kerana tidak ada skop kuasa dan autoriti yang jelas antara ketiga-tiga jawatan itu."

NAZIR HUSSIN AKHTAR HUSSIN
Exco Pergerakan Pemuda UMNO

lebih tinggi daripada Pengerusi di bawah struktur baharu Pakatan Harapan yang diketuai DAP ini," katanya.

Tambahnya, struktur baharu itu kononnya 'nampak lebih cantik' dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin, Mohamad dan Guan Eng sebagai Timbalan Presiden walaupun hakikatnya hubungan ketiga-ketiganya longgar.



NAZIR HUSSIN